MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

# KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:

| TAJUK PROJEK | GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN | TARIKH, MASA TAKLIMAT & TEMPAT LAWATAN TAPAK | HARGA DOKUMEN |
|---|---|---|---|
| KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BUMBUNG MEDAN SELERA TANJUNG, SHAHBANDAR KUALA TERENGGANU.<br><br>( MBKT SH 100/2017 ) | Gred G1<br>Kategori B<br>Pengkhususan<br>B24 | 9/08/2017 ( Rabu )<br>9.30 pagi<br>Stadium Negeri<br>( Bilik Seminar Tingkat 1) | RM20.00 |

2. Dokumen Sebutharga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapat semasa waktu pejabat di **Bahagian Pengurusan Kontrak dan Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**

3. **Lawatan Tapak adalah diwajibkan** dan hanya kontraktor atau penama-penama yang ditauliahkan seperti dalam **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor ( PKK )** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** sahaja yang dibenarkan berdaftar semasa lawatan tapak dan membeli Dokumen Sebutharga.

4. Naskah Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah dengan membawa sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** dan **Sijil Bertaraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga.

5. Dokumen Sebutharga akan dijual mulai pada hari Isnin, **14 Ogos 2017** hingga Isnin, **21 Ogos 2017** yang boleh dibuat secara Tunai/Deraf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama:

**"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"**

6. **Sebutharga ini akan ditutup pada hari Rabu, 23 Ogos 2017.** Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan no. tender berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada hari tersebut.

7. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.

8. Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

( HAJI MOHD ZULKIFLI BIN ABU BAKAR )
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu